

Tanah organik atau tanah gambut ialah nama digunakan untuk tanah yang sebahagian besar kandungan permukaannya terdiri daripada bahan organik. Tanah ini selalunya terjadi di kawasan paya di tepi pantai, sungai, lembah dan kawasan tinggi yang sejuk. Tanah gambut terbentuk hasil daripada bahan organik yang terkumpul dan tidak mereput kerana sentiasa ditenggelami air atau cuaca yang sentiasa sejuk. Tanah gambut terdapat di seluruh Malaysia dan sebahagian besarnya di Sarawak. Keluasan tanah gambut di Semenanjung, Sabah dan Sarawak ialah masing-masing 716,944 hektar, 121,514 hektar dan 1,588,142 hektar.

Tanah gambut dikelaskan sebagai bermasalah sekiranya ingin dimajukan untuk tanaman sawit. Ia selalu dikaitkan dengan mudah banjir, masam/berasid, kurang kesediaan nutrien mikro, mendap dan mengandungi batang serta tunggul kayu yang boleh mengganggu kerja penyediaan tanah. Pada akhir tahun 2009 terdapat sebanyak 660,000 hektar (13 peratus keseluruhan tanaman sawit) di atas tanah gambut. Selain masalah berkenaan, tanah gambut juga melepaskan gas rumah hijau (GHG) apabila disalirkan dan dibangunkan untuk tanaman sawit.

Walaupun tanah gambut mempunyai beberapa masalah tetapi ia boleh ditanam dengan sawit sekiranya diurus dengan betul. Untuk mengatasi masalah dan meningkatkan pengeluaran tanaman sawit di tanah gambut, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menjalankan beberapa penyelidikan di tanah gambut berkaitan pengkelasan, teknik penanaman, saluran, pelepasan GHG, pembajaan dan kepelbagaian biologi. Semua penyelidikan dijalankan bersama Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Putra Malaysia, industri sawit dan Makmal Penyelidikan Gambut Tropikal (TPRL) Sarawak. Kerajaan memperuntukkan RM50 juta untuk melaksanakan kerja penyelidikan ini. MPOB juga mengeluarkan Amalan Pengurusan Baik (BMP) tanah gambut sebagai panduan kepada penanam sawit mengurus tanah gambut mereka dengan betul. Hasil penyelidikan dijalankan, MPOB berjaya membangunkan kaedah pengkelasan tanah gambut bersepadu untuk mengatasi masalah yang timbul kerana ketidakseragaman kaedah pengkelasan yang ada di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kajian juga menunjukkan bahawa pelepasan GHG daripada tanah gambut yang ditanam sawit boleh dikurangkan dengan mengehendkan aras air tanah pada 50 cm dari permukaan tanah di dalam parit ladang. Kaedah pengurusan aras air tanah ini juga boleh mengurangkan pemendapan tanah gambut dan mengatasi masalah pokok sawit condong dan tumbang. Pembajaan sawit di tanah gambut telah lama dikaji dan didapati kandungan organik yang tinggi mengurangkan kesediaan nutrien mikro seperti kuprum (Cu), ferum (Fe), zink (Zn) dan boron (B).

Penanaman sawit di tanah gambut sangat ditentang badan bukan kerajaan (NGO) kerana meningkatkan pelepasan GHG. Semua pensijilan mampan sawit seperti Persidangan Meja Bulat Minyak Sawit Mampan (RSPO) dan Pensijilan Mampan dan Karbon Antarabangsa (ISCC) mengehendkan penanaman sawit di tanah gambut. Malaysia pada masa ini dalam perbincangan dengan Agensi Perlindungan Alam Sekitar (EPA) Amerika Syarikat dan Suruhanjaya Eropah (EC) untuk mendapat kelulusan menjadikan minyak sawit sebagai sumber bahan api bio. Antara isu utama dalam perbincangan itu ialah nilai pelepasan GHG daripada ladang sawit di tanah gambut terutama di Indonesia dan Malaysia. Malaysia dan Indonesia mengemukakan maklumat teknikal berdasarkan data sedia ada. Pada masa sama MPOB akan terus menjalankan kajian tanah gambut untuk memperoleh maklumat lebih luas dan jitu serta memastikan penanaman sawit di tanah gambut menguntungkan, mesra alam sekitar dan mampan.



MINDA

**Datuk Dr Choo
Yuen May**

**Ketua Pengarah
MPOB**